LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 11/2026

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans Liberty Cyber Resolution anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah Liberty Cyber Resolution Insurans?

Insurans Liberty Cyber Resolution melindungi kerugian dan perbelanjaan pihak pertama tertentu yang berbangkit daripada serangan siber, insiden privasi, kegagalan sistem dan peras ugut. Ia juga melindungi tuntutan pihak ketiga, liabiliti kawal selia, liabiliti kad pembayaran dan media, kemudaratan reputasi, kerosakan harta siber, kemudaratan peribadi dan pengurusan ancaman.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Perlindungan insurans berikut akan terpakai sekiranya dinyatakan sebagai terpakai dalam Jadual Perlindungan:

Polisi ini **melindungi:**	Polisi ini **tidak melindungi:**
• Pengurusan Insiden • Pemulihan Data • Gangguan Perniagaan • Gangguan Rantaian Bekalan • Peras Ugut Siber • Bricking • Penambahbaikan • Penipuan pemindahan dana/ pemindahan secara memperdaya/ komputer/ cryptojacking/ penipuan telekomunikasi • Perlindungan pihak ketiga: Liabiliti keselamatan dan privasi, liabiliti kawal selia, liabiliti kad pembayaran dan liabiliti media.	Sebarang amaun yang diinsuranskan di bawah polisi yang mendakwa, berbangkit daripada, berasaskan, atau disebabkan oleh: • Antitrust dan Amalan Perdagangan Tidak Adil • Kecederaan Badan • Perbuatan atau peninggalan yang tidak jujur, menipu, jenayah atau berniat jahat • Liabiliti Kontrak • Pelan faedah pekerja, liabiliti pekerjaan, diskriminasi • Keadaan di luar kawalan (Force Majeure) • Perjudian, permainan • Tindakan kerajaan • Gangguan infrastruktur • Tuntutan oleh seorang Pihak Yang Diinsuranskan terhadap Pihak Yang Diinsuranskan yang lain • Pelesenan harta intelek • Barangan bernilai intrinsik • Nuklear • Paten atau rahsia perdagangan • Pencemaran • Perbuatan terdahulu yang diketahui, perbuatan berkaitan dan tuntutan yang telah dimaklumkan • Kerosakan harta • Pelanggaran statut Amerika Syarikat berkaitan perlindungan pengguna, undang-undang sekuriti dan komunikasi yang tidak diminta • Peperangan dan operasi siber yang diarahkan oleh negara • Jenayah elektronik

Dengan pembayaran premium **tambahan**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:
- Kos yang ditanggung untuk menyediakan Bukti Kerugian.
- Kemudaratan Reputasi
- Ganjaran Jenayah
- Kerosakan Harta Siber Pihak Pertama
- Kemudaratan Peribadi
- Pengurusan Ancaman

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan akan dinyatakan dengan jelas dalam Jadual Perlindungan dan boleh berjulat antara 12 hingga 18 bulan, bergantung pada keadaan khusus anda. Polisi ini tidak akan diperbaharui secara automatik, dan anda perlu memperbaharui polisi anda.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:

Hubungi kami di
1 300 88 8990

Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my

Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my

Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Liberty Cyber Resolution ialah penyelesaian fleksibel yang direka untuk memenuhi keperluan perlindungan siber bagi Pihak Yang Diinsuranskan dalam semua industri. Oleh itu, jumlah premium ("Premium Kasar") yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad. Sila hubungi kami atau broker / perantara insurans anda untuk mendapatkan sebut harga.	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Komisen	25% daripada Premium Kasar (termasuk dalam Jumlah Premium Perlu Dibayar)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada Premium Kasar
Nota: Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.	

4 Terma-Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.
- Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.
- Deduktibel/Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.
- Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini.
- Pemberitahuan Tuntutan: Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda mungkin layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium. Mungkin tiada bayaran balik premium jika hanya premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.